

# Pinda undang-undang lapuk-PM

KEPALA BATAS 22 April - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan undang-undang lapuk yang melambatkan proses Pembangunan dan kemajuan dipinda sebagai usaha menghapuskan kerenah birokrasi.

Perdana Menteri menegaskan, undang-undang lapuk berhubung pemilikan tanah yang didapati tidak berkesan perlu digubal semula bagi merancakkan aktiviti ekonomi termasuk pembinaan kilang dan pengeluaran kereta-kereta nasional.

"Tukarlah lain, undang-undang yang lapuk-lapuk itu, kalau hendak dapat kelulusan kena buat yang ini dan itu, (maka) payah.

"Jadi, pinda la undang-undang itu, buat yang lain bagi cepat sahaja," katanya ketika berucap pada majlis Pecah Tanah, Pelancaran Kereta Model Baru Jenama Naza dan upaeara menandatangani perjanjian pelantikan antara Naza dan wakil pengedar antarabangsa di sini hari ini.

Turut hadir Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon serta Pengerusi dan Ketua Eksekutif Kumpulan Syarikat-Syarikat Naza (Naza), Tan Sri SM Nasimuddin SM Amin.

Abdullah berkata, kerajaan negeri perlu mempercepatkan permintaan syarikat Naza yang memerlukan kelulusan segera ber-

hubung tanah bagi menyiapkan projek pembinaan kilang itu mengikut jadual.

Beliau berkata, ia penting bagi memastikan keyakinan pelabur dan pengedar kereta terhadap industri negeri ini agar terus terpelihara.

"Tadi (Koh) Tsu Koon kata dia akan mempercepatkan permintaan yang diperlukan untuk mendirikan kilang ini kerana ia diperlukan cepat untuk mengeluarkan kereta dan boleh dieksport," katanya.

Perdana Menteri berkata, bagi kes Naza, kesemua butir dan perkara diperlukan telah tersedia termasuk perjanjian dengan beberapa syarikat dari dalam dan luar ne-

gara.

"Pengedar-pengedar pun dah sedia dah hari ini, perjanjian pun ditandatangani jadi dengan itu percepatkanlah kelulusan, kalau dulu lambat hingga lebih dua bulan, lebih baik siapkan dalam masa dua minggu sahaja," katanya.

Terdahulu, SM Nasimuddin dalam ucapannya meminta kerajaan negeri mempercepatkan beberapa kelulusan berhubung tapak kilang tersebut.

Beliau berkata, kelulusan itu penting bagi mengekalkan keyakinan pengedar terhadap syarikat tersebut serta memastikan pembinaan kilang mengikut jadual.